

NO. SOALAN: 274

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

RUJUKAN : 7665

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo (Puchong) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa balai polis dalam kawasan Parlimen Puchong, berapa ramai anggota polis dan sama ada balai polis akan dibina di Bandar Puteri dan Taman Equine dan apakah usaha-usaha untuk meningkatkan tindakan cegah jenayah di situ.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran polis yang utama di kawasan Parlimen Puchong adalah IPD Serdang dan terdapat enam balai polis dan dua pondok polis yang beroperasi di bawah pentadbiran IPD Serdang iaitu:

- 1. BP Serdang;**
- 2. BP Seri Kembangan;**
- 3. BP Bukit Serdang;**
- 4. BP Sungai Besi Indah;**
- 5. BP Bandar Puteri;**
- 6. BP Puchong Jaya;**
- 7. PP Desa Mentari; dan**
- 8. PP Hospital Serdang**

Perjawatan : 491 (10 Pegawai Kanan dan 446 PRP).

Kekuatan Semasa: 431 (9 Pegawai Kanan dan 395 PRP).

Balai Polis Bandar Puteri beroperasi di bangunan yang disumbangkan oleh pemaju. Pembinaan balai di Taman Equine akan dikaji berdasarkan keperluan dan kadar indeks jenayah yang tinggi.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat juga, tindakan pencegahan jenayah dilaksanakan oleh JPJKK yang meliputi aktiviti sebagaimana berikut:

- 1. Rondaan rutin oleh *Mobile Patrol Vehicle* (MPV);**
- 2. Rondaan Unit Rondaan Bermotosikal (URB);**
- 3. *Omnipresence* dan *Community Policing*;**
- 4. *Meet & Greet, Stop and Talk*;**
- 5. Pencegahan jenayah wanita;**
- 6. Pegawai Perhubungan Sekolah; dan**
- 7. Kempen pencegahan jenayah dan pameran.**